



Guru dan murid SK Kubang Kerian (3), Kota Bharu bergambar bersama Mickey Mouse, Minnie Mouse dan Robocar Poli pada hari pertama persekolahan, semalam.

[FOTO ZAIN AHMED /BH]



Murid SK Scientex Pasir Gudang, Johor Bahru disambut Spiderman, semalam.

[FOTO ADI SAFRI /BH]



Murid pendidikan khas, Zahra Irdina Puteri (dua kiri) pada hari pertama persekolahan di SK Ledang, Tangkak, semalam.

# Watak animasi sambut murid

➔ Sekolah tampil kelainan, gamit suasana ceria hari pertama persekolahan

Oleh Hazira Ahmad Zaidi  
cnews@nstp.com.my

✦ Kota Bharu

**K**emunculan watak utama animasi Robocar Poli di Sekolah Kebangsaan (SK) Kubang Kerian 3, menggamit suasana ceria hari pertama persekolahan.

Selain karakter Robocar Poli, Mickey Mouse dan Minnie Mouse juga bersedia di pintu hadapan sekolah untuk menyambut murid baharu dan ibu bapa.

Guru besar, Muzli Mustapha, berkata sejak empat tahun lalu, SK Kubang Kerian 3 mem-

pilkan maskot berbeza sebagai gimik pada hari pertama setiap kali sesi persekolahan bermula.

"Tahun ini, pihak sekolah menampilkan karakter Robocar Poli, Mickey Mouse dan Minnie Mouse untuk menyambut kedatangan 1,443 murid, termasuk prasekolah dan Tahun Satu.

## Kurangkan gementar murid baharu

"Kelainan yang dibuat ini sudah menjadi tradisi bagi sekolah kami selepas ia mula diperkenalkan oleh bekas guru besar sekolah ini, Seri Dewi Mohd

mui pada hari pertama sesi persekolahan 2019, di sini, semalam.

Muzli berkata, gimik begitu amat berkesan untuk mengurangkan rasa takut dan keberangutan murid Tahun Satu dengan ibu bapa pada hari pertama persekolahan.

Seorang murid Tahun Satu, Ahmad Dani Akif Najib, 7, berkata, beliau seronok apabila dapat melihat Robocar Poli secara lebih dekat, selain bertemu Mickey Mouse dan Minnie Mouse.

"Saya seronok bertemu kawan baharu dan apabila datang ke sekolah dikejutkan pula dengan tiga karakter dalam cerita